

# Kesenian Bernuansa Islam Suku Melayu Minangkabau

EDIWAR  
MOHAMED ANWAR OMAR DIN  
ZULAYTI ZAKARIA

## ABSTRAK

Makalah ini menyelami dasar kesenian bernuansa Islam dan perkembangannya dalam suku Melayu Minangkabau di Sumatera Barat. Tumpuan diberikan terhadap *berzanji*, *dikia rabano*, *salawat dulang*, dan *indang* kerana merupakan genre-genre identiti kesenian Islam dalam masyarakat tersebut. Data analisis diperolehi daripada tinjauan lapangan dan temubual intensif dengan para seniman dan masyarakat pendokong genre-genre kesenian ini di beberapa buah *negeri* (kampung) dalam Provinsi Sumatra Barat, Indonesia, selama kira-kira dua minggu, dari 3 Jun hingga 19 Jun 2010. Kajian ini mendapati genre-genre kesenian Islami itu pada mulanya berkembang di surau malah identitinya adalah sinonim dengan surau. Jantung hati kesenian ini adalah *Syattariyah* yang merupakan amalan masyarakat Minang amnya. Kesenian ini turut mengalami perkembangan, seiringan dengan perkembangan sosiobudaya masyarakat umumnya. Sejak awal akhir abad ke-19, seiringan dengan pengukuhan doktrin “adat bersendi syarak, syarak bersendi kitabullah,” muncul versi kesenian Islami dalam bentuk *budaya-rakyat* (folk-culture). Kemudian, seiringan dengan kepesatan modenisasi dalam bidang ekonomi, politik, pendidikan dan sosiobudaya yang berkebetulan berlaku pada era pengenalan *Orde Baru* (1960-an dan 1970-an) maka muncul pula versi kesenian Islami berbentuk *budaya-popular*. Sementara versi asalnya yang identitas dengan surau masih utuh, muncul dua versi baru iaitu bernuansa Islam yang mempunyai unsur-unsur/pengaruh *budaya-rakyat* dan *budaya-popular*. Oleh itu, walaupun berlaku perubahan namun kesemua versi kesenian Islami itu masih kuat mempertahankan unsur-unsur konservatif dan Islam. Unsur-unsur inilah menjadi teras dinamika kesenian Islami di Sumatera Barat.

Kata kunci: Budaya surau, budaya rakyat, *budaya-popular*, tarekat *Syattariyah* dan transformasi

## ABSTRACT

This paper is an in-depth study of Islamic nuance arts and their development of Minangkabau Malay in Western Sumatra focusing on the *berzanji*, *dikia*

*rabano*, *salawat dulang*, and *indang* as they characterized the Islamic arts of the community. Data were collected entirely from field observations and intensive interviews with the professional performers and general public who support those art genres in a period of study about two weeks, from June 3 to June 19 2010 in several *negeri* (villages) in Western Sumatra Province. We found that at their initial stage, those Islamic art genres were rooted from the *surau*. In fact, they are still in these days identical with the *surau*. The heart and soul of these arts were the practice of *Syattariyah tarekat* among their community. These arts have undergone development together with the community's sociocultural development. Since the end of 19<sup>th</sup> century, with the enhancement "adat bersendi syarak, syarak bersendi kitabullah," they had come into being new version of these arts in the form of *folk-arts*. Then, with dramatic development in economic, political, education and sociocultural of the community that coincided with the introduction *Orde Baru* (since 1960s and 1970s), they have come into another new version in the form of *popular-culture*. At present, while the original version which is identical to *surau* still intact, there are two new versions, that are those Islamic nuance with the elements/influences of *folk-culture* and *popular-culture* respectively. We found that although there are changes but all the Islamic art versions still strongly hold the conservative and Islamic elements. It is of these elements that incorporate as the core of Islamic arts dynamism in Western Sumatera.

Key words: Surau culture, folk-arts, popular-culture, *Syattariyah tarekat*, and transformation.

## Pengenalan

Kesenian bernuansa Islam Minangkabau yang masih berkembang hingga hari ini terdiri daripada *berzanji*, *dikia rabano*, *salawat dulang*, dan *indang*. Jenis-jenis kesenian ini pada asalnya berakar umbi daripada budaya *surau*. Ciri utama kesemua jenis kesenian ini adalah syiar keagamaan dan merupakan sebahagian daripada khazanah warisan Melayu dalam pengertian umum di rantau ini. Pada prinsipnya Minangkabau di Sumatera Barat terangkum dalam Dunia Melayu dan sekali gus merupakan salah satu suku Melayu sejak zaman berzaman. Sekiranya timbul skeptikal tentang identiti kemelayuan pada orang Minangkabau itu maka skeptikal sama harus ditimbulkan terhadap kesemua suku yang menyebut diri mereka sebagai Melayu di luar Minangkabau baik dinamakan Melayu Malaysia, Melayu Riau, Melayu Jambi, Melayu Bengkulu, Melayu Palembang, Melayu Aceh dan Melayu-Melayu lainnya. Ini kerana jati diri kesemua Suku Melayu adalah begitu; sentiasa timbul pertanyaan siapakah sebenarnya orang Melayu itu.

Skeptikal terjadi walaupun di mana kerana sifat jati diri suku Melayu itu bukannya diasaskan kepada keturunan tetapi oleh agama Islam, bahasa Melayu dan adat-budaya serantau diamalkan oleh sesuatu komuniti.

Hakikat orang Minangkabau merupakan Suku Melayu dicatatkan dalam *Sejarah Melayu* sendiri yang memberi bayangan selewat-lewatnya pada abad ke-14 Raja Minangkabau adalah keturunan Raja Melayu dari Bukit Siguntang, iaitu Sang Si Perba, abang kepada Sang Nila Utama, pengasas Kesultanan Melayu Melaka:

Syahadan termasyhurlah pada segala negeri bahawa Demang Lebar Daun mendapat anak raja tiga bersaudara dari Bukit Si Guntang dan daripada anak cucu Raja Iskandar Zul-Karnain. Maka datanglah Patih Suatang, raja Minangkabau, ke Palembang dengan segala pegawai dan rakyat sekaliannya, minta seorang anak raja itu hendak dirajakannya di alam Minangkabau. Maka oleh Demang Lebar Daun diberikannya yang bernama Sang Si Perba, serta dengan sekalian alatnya. Maka oleh Patih Suatang dibawanya kembali ke alam Minangkabau, dirajakannya di sana. (*Sejarah Melayu* edisi A. Samad Ahmad, 1986: 21-22)

Selain itu, terdapat batu bersurat yang disebut *Inskripsi Darmasraya* (bertarikh 1286) di sekitar Padang Roco yang dipercayai oleh kebanyakan sarjana sebagai bukti Suku Malayu di Minangkabau adalah dibawa oleh Adityawarman dari Palembang dan menjalankan gerakan *Pemalayu*, iaitu penyebaran pengaruh Melayu ke seluruh wilayah Minangkabau termasuk ke atas Suku Minang dan suku-suku lain (Andaya, 2008: 59, Andaya, 2001: 1-2, dan Reid, 2001: 202). Dalam catatan Tomes Pires (1994: 132-133) yang berada di Melaka pada tahun 1512, hanya setahun Kota Melaka dirobuhkan oleh Portugis, mendapat maklumat daripada masyarakat setempat bahawa Minangkabau diislamkan oleh Sultan Mansor Shah pada bahagian pertama abad ke-15. Dengan itu, Minangkabau menjadi sebahagian daripada komuniti Melayu.

Walau bagaimanapun, angkubah tetap yang benar-benar mencirikan komuniti masyarakat Minang sebagai Suku Melayu adalah penganutan agama Islam dan penuturan bahasa Melayu. Ciri-ciri khas masyarakat ini terletak pada tiga perkara utama: 1) taat kepada agama Islam, 2) berpegang kuat kepada nasab ibu (matrilineal), dan 3) kecenderungan untuk merantau. Walau bagaimanapun, sepanjang zaman, di antara ciri-ciri tersebut Islamlah unsur teras jati diri Minangkabau kerana ketiga-tiga ciri tersebut semuanya menjunjung tinggi falsafah “adat bersendi syarak, syarak bersendi kitabullah.” Ini sekali gus menunjukkan masyarakat Minangkabau begitu akrab dengan Islam. Malah, masyarakat Minangkabau berpandangan bahawa kehadiran agama Islam dan kebudayaannya di daerah ini adalah untuk menyempurnakan adat dan

kebudayaan agar lebih tersusun daripada sebelumnya (Nasroen, 1957: 28-29).

Pada zaman sebelum berkembangnya ajaran Islam dengan sempurna dan sebelum menjadi satu-satunya agama orang Minangkabau, adat masyarakatnya belum lagi menfatwakan apa yang akan dibawa ke akhirat di kala akan mati. Sebaliknya, mereka menjunjung tinggi *adat* yang bersifat *sekular*, suatu pandangan hidup mengenai pergaulan sesama manusia dan alam di atas dunia semata-mata. Sedangkan ajaran Islam dan kebudayannya membentuk hubungan antara sesama manusia dengan Maha Pencipta (Allah) menuju ke akhirat (Nasroen, 1957: 28-29).

Keakraban antara Islam dan masyarakat Minang secara beginilah yang terjelma dalam kesenian mereka. Inilah yang dimanifestasikan dalam dalam kesenian bernuansa Islam termasuk berzanji, *dikia rabano*, *salawat dulang*, dan *indang*. Kehadiran jenis kesenian ini merupakan realisasi dari sistem pendidikan tradisional di surau dalam rangka mengembangkan ajaran agama Islam oleh para ulama-ulama pada masa lampau., dalam konsep etika dan estetika Islam. Kehadirannya merupakan penyempurnaan perpaduan antara keindahan dan kebenaran. Hakikatnya, “keindahan’ itu selalu berlandaskan kepada moral Islam, iaitu nilai-nilai baik dan buruk menurut etika dan estetika Islam, Manakala kebenaran adalah puncak dari keindahan (Muhammad Qutb, 1992).

Oleh itu, peranan kesenian bernuansa Islam bukanlah sebagai satu keperluan hiburan semata-mata malah lebih daripada itu. Ia mengajak umat kepada kebaikan, dan menghindarkan diri dari kemudharatan. Namun, lama kelamaan mengalami transformasi menjadi kesenian rakyat, dan selanjutnya dipengaruhi oleh *budaya-popular*. Transformasi ini menyebabkan terjadinya pelbagai perubahan terhadap isi dan bentuk, iaitu nilai-nilai yang terkandung di dalamnya.

## Adat Bersendi Syarak, Syarak Bersendi Kitabullah

Landasan ideal muzik Islami sebagai seni bernafaskan Islam yang hidup dan berkembang dalam wilayah kebudayaan Minangkabau akan berhubungan dengan nilai dan norma Islam dan adat istiadat yang digunapakai oleh masyarakat. Berdasarkan nilai dan norma inilah secara ideal orang Minangkabau membangun kehidupan, antara lain kehidupan dalam berkesenian. Dalam hal ini, landasan ideal muzik Islami Minangkabau akan berhubungan dengan konsep “Adat Bersendi Syarak, syarak bersendi kitabullah.”

Minangkabau sejak dahulu hingga sekarang, tatanan kehidupan masyarakatnya sangat ideal kerana didasari nilai-nilai, norma-norma adat dan agama Islam yang menyeluruh, dalam satu ungkapan adat berbunyi Adat Basandi Syarak, Syarak Basandi Kitabullah. Adat dan syarak di Minangkabau merupakan benteng kehidupan dunia akhirat yang disebutkan dalam petatah adat “kesudahan adat ka balairung, kasudahan syarak ka akhirat” (penyelesaian adat bertempat di balairung [rumah gadang], penyelesaian agama di akhirat). Mamangan ini menyiratkan teguhnya benteng orang Minangkabau yang terkandung di dalam adat dan kokohnya perisai Islam yang di pagar oleh syarak. Dengan penyeruan umat ke arah penyempurnaan pola hidup di dunia dan menuju akhirat itu akhirnya antara golongan *niniak mamak* dan golongan tuangku atau alim ulama menyusun satu falsafah yang dikenal dengan adat basandi syarak, syarak basandi kitabullah yang artinya adat bersendikan pada agama, dan agama benrsendi pada kita Allah (Hakimi 1991: 32).

Adat dan agama di Minangkabau selalu seiring dalam perkembangannya, perubahan kebudayaannya (termasuk muzik Islami) dapat dipertimbangkan menurut *alur jo patut, raso jo pareso* (alur dengan patut, rasa dengan periksa) sepanjang adat bersendi syarak, syarak bersendi kitabullah. Hakikatnya, selama suku Minangkabau menganut syarak, berarti adat mereka itu selamanya langgeng dan lestari. Dalam syarak terkandung dua unsur pokok, iaitu aqidah dan syari‘ah Islam. Oleh itu, segala sesuatu yang berkaitan dengan adat dan syarak akan saling berjalan secara sinkron, sehingga dalam pelaksanaannya tercurai pepatah “syarak mengato, adat memakai” (agama mengatakan, adat memakai); dan kukuhnya adat itu terletak dalam keputusan, bahawa “adaik nan kawi, syarak nan lazim” (adat yang kawi, agama yang lazim) disertai lagi dengan “adaik babenteng syarak, syarak babenteng adat, sanda menyanda kaduonyo” (adat berbenteng agama, agama berbenteng adat, sandar menyandar keduanya) (Hakimi 1991: 32).

Sudah barang tentu muzik Islami Minangkabau yang melekat dalam kegiatan adat dan agama Islam diwarnani oleh pandangan hidup tersebut. Kehidupan seni tidak boleh dipisahkan dari segi-segi kehidupan yang lainnya. Seni dalam adat Minangkabau berusaha memperhalus rasa dan fikiran, kerana itu setiap adat disegarkan oleh kegiatan seni, demikian pula kegiatan yang berhubungan dengan agama, juga dimeriahkan dengan seni yang bernafaskan agama Islam.

Tidak hanya itu, masuknya Islam ke wilayah Minangkabau sesungguhnya telah membawa perubahan terhadap sosiobudaya masyarakat Minangkabau baik di lingkungan kerajaan Pagaruyung

maupun dalam pemerintahan adat di *nagari-nagari*. Pada saat itu pula juga terjadi *new culture* yang ditandai oleh akulturasi budaya yang dimanifestasikan dalam falsafah “adat basandi syarak, syarak basandi kitabullah.” Maknanya, adat lebih memanifestasikan dan mengaktualisasikan pemikiran manusia dalam kehidupan sosial, manakala syarak merupakan aturan-aturan atau ketetapan agama yang harus ditaati. Dalam tatanan nilai adat Minangkabau, ajaran Islam merupakan sesuatu yang terinternalisasikan. Islam bukan sesuatu yang ditempelkan secara paksa ke dalam adat, melainkan kehadirannya merupakan penyempurna adat, kerana adanya titik persamaan yang boleh disejajarkan dengan aturan adat. Ajaran Islam datang untuk mengisi kekosongan *word view* dan menyempurnakannya sehingga ajaran Islam tersebut menjadi bagian yang tak terpisahkan dalam sosiobudaya Minangkabau.

Akibat dari bersatunya ajaran adat dan ajaran Islam mempengaruhi terhadap struktur pemerintahan dalam adat Minangkabau, iaitu adanya tiga golongan yang selalu sangat mempengaruhi terhadap kehidupan *bernagari* dan bermasyarakat, iaitu golongan *niniak mamak*, *golongan alim ulama*, dan golongan *cadiak pandai*, sedangkan yang berada diluar golongan itu disebut dengan golongan urang kebanyakan (Amir B, 1984/1985:27).

Golongan *niniak mamak* (ninik mamak) terdiri dari para penghulu atau kepala suku yang tetap ada pada masing-masing persukuan. Ia bertugas memimpin, membimbing aktiviti anggota persukuannya baik dalam kehidupan intern maupun dalam hidup bermasyarakat di suatu *nagari*.

Golongan alim ulama adalah terdiri dari orang-orang yang tahu dan faham tentang ajaran agama Islam. Mereka bertugas mendidik mental dan spiritual masyarakat kepada jalan yang benar sesuai dengan ajaran Islam seperti menjadi imam waktu shalat, mengajar mengaji, mengajar ilmu-ilmu Islam dan memimpin upacara-upacara rakyat yang berhubungan dengan aspek-aspek ajaran Islam.

Golongan cerdik pandai pula terdiri dari orang-orang yang mempunyai pengetahuan luas tentang tata cara kehidupan tradisional Minangkabau. Fikiran dan pendapat mereka dijadikan pedoman dan pegangan untuk menjalani kehidupan oleh orang-orang lain secara individu maupun bermasyarakat. Sedangkan orang kebanyakan adalah orang yang tidak termasuk kepada tiga golongan di atas, mereka tergolong pada masyarakat biasa.

Hadirnya tiga pemimpin di Minangkabau tersebut (ninik mamak, alim ulama, dan cerdik pandai) untuk berdirinya suatu *nagari* harus memenuhi

syarat sebagai berikut: adanya balai adat sebagai tempat bermusyawarahnya kaum adat, mendirikan masjid untuk pelaksanaan ibadah umat Islam, memiliki sawah dan ladang sebagai pusat ekonomi pertanian, adanya jalan dalam *nagari* itu, ada pula gelanggang tempat permainan kesenian, dan perlu pula adanya tepian tempat mandi masyarakat. Hal ini diungkapkan dalam pepatah; ba-balai ba-musajik, ba-sawah ba-ladang, ba-labuh nan golong, ba-galanggan tampek bamain, batapian tampek mandi. (Azmi *et al*, 1978: 10).

Selain adanya masjid sebagai tempat ibadah agama Islam, masing-masing *nagari* dianjurkan pula mendirikan surau sebagai sarana pendidikan Islam. Di surau tersebut kaum agama atau alim ulama memberi pelajaran Islam kepada murid-muridnya. Sistem pendidikan surau itu dilaksanakan secara tradisional, yaitu guru melagukan pelajaran secara lisan kemudian diikuti oleh murid-muridnya. Cara demikian itu lama-kelamaan berkembang menjadi bentuk kesenian tradisi Minangkabau bernuansa Islam yang menggunakan instrumen rebana sebagai pengiring nyanyian. Kesenian jenis itu lebih dikenal oleh masyarakatnya dengan kesenian gaya surau. Permainan rebana sangat dominan dalam jenis kesenian ini. Tanpa alat rebana terkesan warna keislamannya kurang terlihat, sebab alat ini sudah menjadi salah satu ciri pada seni persembahan nuansa Islam di tempat-tempat agama Islam berkembang.

## Budaya Surau

Daripada perspektif historis, *surau* telah membentangkan sebuah evolusi pendidikan yang penting. Secara perlahan, hal ini telah membentuk kriteria kultural masyarakat, kerana konteks bermalam di *surau* sebelum Islam datang lebih merupakan fenomena amalan dalam masyarakat Minang dan banyak mengarah pada pembinaan minda berkaitan dengan peribadatan iaitu sebagai pengakuan adanya kekuatan di luar diri, sekaligus sebagai pembekalan sumber daya manusia. Sesungguhnya pembinaan ini merupakan proses kesatuan pendidikan antara duniawiyah dan pengagungan terhadap Tuhan yang mereka yakini. Tumbuhnya tradisi *surau* sebagai tonggak tua untuk pengenalan kesenian bernuansa Islam di daerah ini telah bermula semenjak abad ke-17. *Surau* yang amat terkenal sebagai pusat pengembangan agama Islam dan kesenian yang bersifat islami di Minangkabau adalah *surau* Syekh Burhanudin Ulakan.<sup>1</sup> Pada *surau* Ulakan inilah kesenian bernuansa Islam diperkenalkan kepada murid-murid *surau*, di samping proses pembelajaran dengan menggunakan *sistem halaqah*.

Tradisi halaqah *surau* Ulakan itu juga menghadirkan nilai-nilai estetika Islam yang berpadu dengan budaya lokal dalam pengembangan ajaran Islam, sehingga tradisi ini telah mampu mempercepat penyebaran Islam di Minangkabau. Tujuannya adalah agar murid-murid merasa mudah dan merasa senang menuntut ilmu agama di *surau*. Akhirnya, *surau* dijadikan sebagai tempat shalat dan tempat pengembangan amalan-amalan keagamaan yang dinyanyikan.

Penyeruan umat dengan ritualisasi tersendiri, seperti berzikir yang dinyanyikan dengan maksud untuk mencapai *makrifatullah* adalah suatu kaedah menarik pada zaman proses perkembangan Islam di Ulakan Minangkabau. Pada akhirnya daerah pesisir Ulakan menjadi pusat kebangkitan Islam dan kesenian bernuansa Islam terawal di Minangkabau, selanjutnya tersebar ke daerah-daerah lain di Minangkabau. Pendekatan empatik yang menonjolkan nilai-nilai kultural serta kemampuan adaptasi yang digunakan oleh ulama-ulama Islam menjadi sangat ampuh dalam rangka islamisasi tersebut, yaitu diperkenalkan dengan bahasa yang mudah diterima (Silfia Hanani, 2002 : 44, Azyumardi Azra, :2003).

Pendekatan budaya (kesenian) demikian merupakan cikal bakal yang mendorong tumbuhnya kesenian Islam Minangkabau. Jenis muzik islami yang berkembang di surau-surau pada zaman surau itu ada yang memakai alat muzik dan ada pula yang tidak. Antara jenis nyanyian yang tidak menggunakan alat muzik seperti berzanji. Manakala yang menggunakan alat muzik *rebana* untuk mengiringi nyanyian seperti *dikia rabano*, salawat *dulang* dan *indang*. Kadang-kadang nyanyian ini dilakukan sambil menari dengan diiringi muzik rebana.

Mencermati fenomena kesenian bernuansa Islam Minangkabau sesungguhnya memiliki ciri-ciri yang cukup berbeza dengan kesenian asli sebelum Islam berkembang di daerah ini. Pembacaan syair-syair yang dinyanyikan dan dikombinasikan dengan zikir, menceritakan pelbagai persoalan yang berkaitan dengan kehidupan di dunia dan akhirat menjadi bahagian dalam proses peningkatan keyakinan kepada Tuhan Yang Maha Esa. Adapun lirik-lirik nyanyian berisikan tentang (1) sifat tuhan nan dua puluh, (2) nazam tauhid, (3) azab kubur, (4) padang matsar, (5) cerita seputar nabi, (6) rukun Islam dan rukun iman, dan lain sebagainya.

Sebagai produk budaya surau, amalan bernuansa muzikal seperti menyebut nama Allah secara berulang-ulang dengan cara dilagukan, atau mengaji sifat Tuhan dengan cara dilagukan dalam pandangan kaum tarekat merupakan sebahagian daripada ibadah, sehingga nyanyian tersebut mengkategorikan sebagai sebuah nyanyian religius yang bersifat spiritualitas Islami.



Pencapaian spiritualitas Islami dalam nyanyian berbeza-beza kualitasnya kerana masing-masing lagu memiliki karakter melodi tersendiri. Spiritualiti yang dicapai seseorang penyaji pada setiap lagu sangat ditentukan oleh garapan lagu dan binaan keadaan spiritual yang muncul pada tata cara pelaksanaan dan penyajian dalam konteksnya.

Demikian pula halnya pada kes kesenian *dikia rabano* (*dikia rabano*). Persembahannya adalah berupa penyajian kitab Al Bazaji yang terdiri daripada beberapa bab dan fasal-fasalnya. Dalam persembahannya, teks Al Barzanji yang sering dinyanyikan adalah fasal *amintaza*, iaitu fasal fasal *qasidah burdah* yang terdiri daripada 87 baris. *Qasidah burdah* ini merupakan nyanyian sunyi yang berisikan sifat-sifat Nabi Muhammad, perjuangan dalam mendakwah, ajaran-ajaran yang disampaikan, dan sebagainya. Penyajian teks ini dilakukan oleh beberapa orang secara bergantian dan sambung menyambung dalam bentuk *responsorial* sambil memukul-mukul rebana ukuran besar.

Selanjutnya kes daripada kesenian *salawat dulang*, penyajiannya terdiri daripada dua kumpulan yang bertanya jawab tentang pelbagai persoalan keagamaan. Setiap kumpulan terdiri daripada dua orang. Alat muzik yang dipergunakan adalah "*dulang*." Tema utama persembahan "*salawat dulang*" berhubung dengan masalah akidah iaitu perasaan cinta sedalam-dalamnya terhadap Allah S.W.T, dan cinta terhadap Nabi Muhammad S.A.W.

Jenis kesenian bernuansa Islam lainnya yang mempergunakan rebana ukuran kecil adalah *indang*. Kesenian ini dipersembahkan oleh beberapa orang yang duduk bersyaf dalam posisi bersila. Pengaruh Aceh sangat menonjol pada kesenian ini, terutama bentuk persembahan, di Aceh *saman* namanya. Pemain *indang* menyanyikan syair-syair keislaman sambil menari dan memukul rebana. Penyajiannya bertanding antara tiga kumpulan tentang persoalan-persoalan keagamaan, seperti sifat tuhan, riwayat nabi Muhammad, tentang shalat dan ibadah lainnya.

## Hubungan dengan Tarekat

Tidak dapat dipungkiri bahwa kehidupan beragama (Islam) di Minangkabau ini diwarnai oleh sekte-sekte keagamaan atau semacam aliran keagamaan yang salah satunya disebut aliran tarekat. Secara harfiah kata tarekat berarti "jalan" yang mengacu kepada sistem latihan meditasi, dan amalan, seperti dzikir, wirid, dan sebagainya yang dihubungkan dengan sederetan guru sufi. Kondisi seperti itu menunjukkan bahwa kedatangan agama Islam ke ranah Minang ini membawa berbagai

aliran keagamaan sejalan dengan misi-misi perdagangan yang telah berlangsung lebih kurang lima abad yang lalu.

Pada awalnya tarekat yang mula-mula masuk ke daerah Minangkabau, utamanya di daerah Pariaman adalah tarekat Sattariyah. Hal itu sejalan dengan kedatangan agama Islam yang dibawa oleh Syeh Burhanuddin dari Aceh ke Pariaman (baca: Ulakan). Dalam perkembangan selanjutnya, ia menyebar ke pedalaman Minangkabau, seperti ke daerah Malalo (Kab. Tanah Datar), Batipuah X Koto (Kab. Tanah Datar), Koto Tuo, dan Sungai Janiah, Baso (Kab. Agam). Suasana kehidupan beragama dari masyarakat tarekat tersebut memunculkan berbagai bentuk jenis amalan-amalan bernuansa muzikal yang telah beralkulturasi dengan kebudayaan Minangkabau, seperti tradisi berzanji, tradisi berzikir, tradisi bersalawat, tradisi mengaji sifat Tuhan, dan sebagainya.

Salah satu aktivitas keagamaan yang lazim dilakukan oleh para jemaah Sattariyah adalah basapa (bersyafar). Menurut Burhanuddin, ritus basapa atau bersafar adalah semacam upacara –ziarah— ke makam Syekh Burhanuddin yang mereka keramatkan setiap tanggal 10 bulan Syafar. Aktivitas tersebut berupa zikir, berdoa', tahlilan, membaca Al-qur'an dan berzanji (Burhanuddin Daya, 1995: 185).

Tidak jauh berbeda dengan hal itu, Hamka (1950:24) bahwa kegiatan para penziarah di tempat yang dianggap keramat tersebut ialah sebagai berikut:

Tiap-tiap bualan Syafar, berduyun-duyunlah orang datang ke tempat itu dari seluruh penjuru Minangkabau. Banyak yang berjalan kaki. Di sana mereka bermalam, beratus-ratus orang banyaknya, laki-laki dan perempuan. Maka terjadilah di situ bermacam-macam keganjilan. Di dekat pagar kuburan kelihatan orang membaca zikir, di tempat yang sebuah lagi kedengaran orang menyanyikan lagu agama, ditempat sebuah lagi orang membaca sifat dua puluh dengan nyanyi, di tempat satu lagi orang berdendang membaca dalailil khairat, yaitu doa' salawat bagi nabi dengan memukul talam.

Bertolak dari kutipan di atas dapat dikatakan bahwa kemunculan muzik islami sudah ada semasa Syekh Burhanudin. Tradisi mengadakan zikir, berzanji, melakukan nyanyian keagamaan (berupa pembacaan sifat Tuhan nan dua puluh), dan bersalawat kepada nabi Muhammad saw. Hal ini diduga sebagai cikal-bakal lahirnya tradisi muzik yang bernuansa Islam yang beralkulturasi dengan pelbagai kebudayaan muzikal lainnya, baik muzik asli (lokal) Minangkabau mahupun dengan muzik lainnya yang datang dari luar, seperti Aceh dan Timur Tengah. Pada akhirnya kesenian bernuansa Islam Minangkabau dalam kajian sejarah perkembangannya

tidak terlepas daripada aliran-aliran tarekat yang berkembang di kawasan ini.

## Syair dan Kitab

Sebagaimana telah disebutkan bahawa kesenian bernuansa Islam Minangkabau tidak terlepas daripada nyanyian yang menyampaikan pelbagai ajaran agama Islam di surau-surau. Syair nyanyian itu utamanya berpedoman kepada Al Quran dan Sunah Rasul. Selain itu juga terdapat kitab-kitab lainnya yang dipedomani pula sebagai rujukan untuk menambah keyakinan bahawa “tiada Tuhan selain Allah, dan Muhammad itu Rasul Allah.”

Fenomena kesenian bernuansa Islam yang menarik dalam penyajian syair-syair keagamaan yang dinyanyikan seperti pada *dikia rebana*, *salawat dulang* dan *indang*.

Barzanji, adalah sebuah tradisi pembacaan kitab sastra Arab *Majmu'atul Mawaalid*<sup>2</sup> menceritakan latar belakang, kisah kelahiran, dan kemuliaan sifat Nabi Muhammad s.a.w. Pembacaan kisah itu disampaikan secara bernyanyi dalam suasana ritual Islami. Penganut tarekat *Syattariyah* pada umumnya tidak hanya menganggap barzanji sebagai sebuah seni vokal Islami, tetapi juga memandangnya sebagai sebuah ibadah yang berpahala mengamalkannya. Oleh karena nyanyian tersebut berfungsi sebagai media beribadah, maka nyanyian barzanji dapat dikategorikan sebagai sebuah nyanyian religius, kerana di dalam prakteknya tersimpul spiritualitas Islami. Penyajian barzanji semulajadi adalah berupa persembahan kitab sastra *Majmu'atul Mawaalid* tanpa diiringi oleh alat muzik.

Pencapaian spiritualitas Islami dalam pembacaan kitab *Maulid* berbeza-beza kualitinya pada setiap jenis lagu berzanji kerana masing-masing lagu memiliki karakter melodi tersendiri. Spiritualiti yang dicapai seseorang penyaji berzanji pada setiap lagu sangat ditentukan oleh garapan lagu dan binaan keadaan spiritual yang muncul pada tata cara pelaksanaan dan penyajian berzanji dalam konteksnya. Dengan demikian, dimensi spiritual dalam berzanji akan berhubungan dengan masalah tata-cara pelaksanaan penyajian, dan garapan materi muzikal serta teks berzanji (Hajizar, 2008).

Barzanji begitu popular dalam masyarakat Islam Timur Tengah kerana seni sastra dapat mengisi kekosongan seni suara yang menjadi salah satu warisan budaya dan pelengkap tuntunan cita-cita manusia. Kepopularannya dapat dikesan daripada gubahan lagu yang berbagai-

bagai bagi membacanya. Ada lagu orang Hejaz, dan ada lagu orang Mesir sehingga terciptalah beberapa lagu seperti Bayati, Husaini, Masri, Rasd, Nahwan, dan Jaarkah. Hal ini menggambarkan bahawa perkembangan gaya suara membaca Barzanji mengikut ahlinya dan daerahnya (tempatan) (Rukaini, 1996: 3).

Selain itu, sebagian masyarakat Islam di Malaysia juga memiliki tradisi pembacaan Barzanji sebagaimana diungkapkan Rukaini (1996:4), berikut:

Membaca Barzanji biasanya dimulai dengan membaca al-Fatihah beramai-ramai. Kemudian Barzanji dibaca secara bergilir-gilir, seorang satu kisah yang ditandai dengan bacaan beramai-ramai: 'Attirillahumma ...' Apabila pembaca berhenti pada setiap ayat, ahli majlis akan menyambutnya beramai-beramai dengan menyebut kalimah 'Allah' dan menyebut selawat apabila pembaca membaca nama 'Muhammad.' Ahli majlis akan berdiri dan memulakan 'marhaban' apabila pembaca sampai pada kisah keempat, pada ayat 'yatala'la'usana.' Marhaban biasanya dipimpin oleh seorang atau dua orang dan ahli majlis hanya sebagai penyambut. Terdapat berbagai-bagai lagu marhaban, sehingga ada juga yang menyesuaikan irama lagu Melayu atau Jawa dengan irama marhaban.

Selari dengan perkembangan masa, nyanyian berzanji lama-kelamaan mengalami pengembangan dengan menggunakan alat muzik rebana sebagai pengiring nyanyian. Muzik jenis ini lebih dikenal di Minangkabau dengan istilah *dikia rabano*.

Persembahannya *dikia rabano* adalah berupa penyajian kitab *Al-Barzanji* yang terdiri daripada beberapa bab dan fasal-fasalunya. Dalam persembahannya, teks berzanji yang sering dinyanyikan adalah fasal amintaza, iaitu fasal-fasal *Qasidah* burdah yang terdiri daripada 87 baris. *Qasidah* burdah ini merupakan nyanyian sunyi yang berisikan sifat-sifat Nabi Muhammad S.A.W., perjuangan dalam mendakwah, ajaran-ajaran yang disampaikan, dan sebagainya. Penyajian syair ini dilakukan oleh beberapa orang secara bergantian dan sambung menyambung dalam bentuk "responsorial" sambil memukul-mukul rebana.

Dalam persembahan *dikia rabano* syair tersebut hanya dinyanyikan sekitar delapan sampai sepuluh baris saja, sebab dalam sajiannya syair tersebut tidak dibaca sebagaimana adanya, tetapi digarap dengan menambah kata-kata dan kalimat lain seperti *aeiii, Oooo, iiiii, Allah, maulai, lailahailallah*. Penambahan tersebut dilakukan karena memenuhi keperluan melodi dari lagu *dikia rabano*. Berikut ini adalah bentuk teks Syaraful Anam Bab Qasidah Burdah Fasal Amin Taza.

(amin tazakkuriji ronimbizisalami  
 Muzajtdam ‘an jaro minang mungqlatin bidami  
 Amhabbaitrohimi tilqoi  
 Waaumadolbarqufizulmaimin idomi  
 Fama li’ainal qultakfufa hamata  
 Wama liqobikaing qultasatafiqyahimi  
 Ayahsabussobuannalhubbamaunkatimu  
 Mabainamunsajimin minhu wamudtorimi  
 Laulalhawa lamturiq dam’an ‘alatolalin  
 Wala aroqtaaliziqribani wal’alami)

### Artinya :

Percayalah memperingatkan tetangga dengan memberi salam  
 Telah kami campurkan air mata yang mengalir dari bijinya dengan darah  
 Telah bertiup angin kedamaian dari perselisihan  
 Telah memancar kilat dalam kegelapan  
 Maka apa yang dimiliki matamu, jika kamu berkata sesuai dengan keinginannya  
 Dan apa yang ada dihatimu, jika kamu berkata perteballah keyakinan  
 Adakah mengira pencurahan cinta yang terpendam  
 Diantara orang yang mencurahkan cintanya dan orang yang menyalakan  
 Kalau bukanlah karena hawa tidak akan kamu tumpahkan air mata di puing  
 Dan kamu tidak tidur untuk mengingatkan perpohonan dan alam

Dalam persembahan satu baris syair dinyanyikan dalam dua bahagian lagu oleh dua atau tiga orang secara bergantian sambung menyambung dalam bentuk *responsorial*. Untuk memenuhi keperluan melodi lagu, bentuk syair di atas ditambah dengan kata dan kalimat serta pengulangan kalimat. Penambahan kata dan kalimat tersebut berupa *ae....ooo, eee.. ilalah, maulai, lailaha illallah*.

Demikian juga pada kesenian *salawat dulang*. Salawat dapat mengartikulasikan cinta seseorang muslim kepada Rasulullah saw, dan kesiapannya untuk taat dan mengikutinya. Sesungguhnya Allah dan malaikat-malaikat-Nya berSalawat untuk nabi. Hai orang-orang yang beriman, berSalawat kamu kepada nabi, dan ucapkanlah salam penghormatan kepadaNya (QS Al Ahlزاب, [33]: 56). Salawat kepada Nabi berarti pujian dan rahmat untuk beliau dihadapan malaikat. Sedangkan shlawat para malaikat adalah doa, berkah, dan ampunan.

Kemudian, kata *dulang* analogi dengan “talam” alat bejana yang difungsikan sebagai instrumen pengiring melodi nyanyian. Lagu *salawat dulang* terdiri daripada lima bahagian, iaitu: 1) lagu imbauan, 2) lagu khutbah, 3) lagu batang, 4) lagu ya Molai, dan 5) laguancang. Masing-masing lagu tersebut memiliki ciri-ciri tertentu dalam penyampaian topik

Aspek kebahasaan kata imbauan sebagai simbol untuk lagu pertama persembahkan *salawat dulang*. Imbauan dalam konteks struktur *salawat dulang* memiliki dua makna simbolis: pertama, penyerahan diri pada Yang Maha Kuasa untuk memulai aktivitas; dan kedua, sebagai sebuah pemberitahuan, bahwa *salawat dulang* siap untuk dimulai sekaligus ajakan kepada para penonton untuk menyaksikan sajian *salawat dulang*. Hal ini disebabkan imbauan merupakan pemula dari satu siklus persembahkan *salawat dulang*. Syair lagu imbauan seperti berikut:

Oii aaaiii yooo  
 Oii yoo umat Nabi yoo  
 Oii aaaii  
 Oii Allah Allah yo Allah  
 Oii yo Junjuangan yo Junjuangan

Khutbah dalam konteks *salawat dulang* analogi dengan khutbah dalam konteks shalat jum'at. Kata 'khutbah' dalam konteks *salawat dulang* ialah sajian tema dakwah Islamiah yang meliputi kata-kata pujian terhadap sang pencipta, dan ajakan kepada penonton agar dapat berbuat sesuai dengan ajaran Islam.

Setiap awal syair khutbah selalu didahului dengan kata-kata "Assalamualaikum atau wahai sudaro dan wahai sahabat (wahai saudara/wahai sahabat). Diakhiri khutbah selalu pula pada kata-kata "Yo, begitulah umpamo atau yo, bagitulah misal" - ya begitulah umpama. Pada lagu batang ini perlengkapan *dulang* mulai ditabuh mengiringi nyanyian syair. Kata batang berkonotasi kepada 'batang kayu (pohon utama kayu) yang menjadi penyangga penting pada sebatang pohon kayu." Jadi interpretant konsep keutuhan pohon kayu dianalogikan pada bagian/lagu *Salawat dulang*. Makna bahawa pada sajian lagu batang ini diberi muatan inti utama dakwah Islamiah yang menjadi misi penting persembahkan *salawat dulang*.

Pada bagian awal lagu ini selalu dimulai dengan syair Allah aii i Allah anallaha illallah ai nan dek iyo Rabbi, dan leksianya adalah Allah lailaaha illallah ya Rabbi, dengan silabel tambahan: ai, i, an, nan, dek. Sedangkan baris kedua adalah Iyo Muhammad ini tu o wahai lai urang di Makah; dan leksianya adalah Muhammad itu orang di Mekah, dengan silabel tambahan iyo, ni, o, wahai, dan lai.

Kemudian bahagian lagu berikutnya adalah "yamolai," merupakan kata-kata diakhir kalimat lagu *salawat dulang* yang ditujukan pada nabi Muhammad SAW, karena berkat safaatnya tukang *salawat dulang*

dapat menyampaikan cerita yang bersumberkan perjalanan hidupnya. Antara ayat yang terdapat pada lagu “yamolai” adalah:

Allah la ilallah odenan de ya la ilallah lah de Ya Maulai odenan yo  
O Nabi Muhammad odenan de ya Rasulullah lah de Ya Maulai odenan yo

Manakala bahagian lagu terakhir adalah lagu “cancang.” Istilah ini berarti memisahkan sesuatu menjadi bagian-bagian kecil. Dalam *salawat dulang* pada bagian lagu “cancang” pemain “salawat” telah masuk pada isi yaitu pengajian tentang agama Islam dari berbagai aspek secara mendetail, seperti menceritakan tentang nyawa, isyrak mijrad, zikir dan sebagainya. Kemudian pada bahagian ini juga sudah dikembangkan dengan memasukkan masalah terkini dengan lagu-lagu popular, seperti lagu Melayu, ndangdut, pop Minang, lagu-lagu India, china, dan sebagainya.

Demikian juga pada kesenian *indang*. Syair yang disajikan pemain *indang* dalam bentuk prosa berirama umumnya diambil dari kisah Nabi Muhammad yang sudah diterjemahkan ke dalam bahasa Minangkabau. Selain itu ada juga syair tentang kisah para ulama mengembangkan agama Islam hingga sampai ke Pariaman dan berkembang lebih luas di Minangkabau, kisah tentang nabi (Adam dan Muhammad), dan suasana Pariaman atau Minangkabau sebelum masuknya agama Islam. Namun ada pula syair yang diambil dari cerita-cerita yang terdapat dalam *tambo* Minangkabau yang kaya dengan unsur simbolik dan kiasan. Berikut dipersembahkan bentuk syair tentang ewaris nabi.

Laa...iiiih iiiih, ipaaaaanggaanga angalah  
Laaaa...hii iih, ilangaaanga ngalah  
Iilallaaaah....

Dimulai dengan bismillah,  
Ditutup dengan alhamdulillah,  
Tetap memuji kepada Allah,  
Tetap memuji kepada Allah,  
Jo hati suci muko nan jilah,

Salawaik dan salam ateh Muhammad,  
Usul pilihan buliah rahmat,  
Manarangkan jalan mano nan kalam,  
Supayo umaik jangan tinggalam.

Allahu rabbi caro rang kini,  
 Para ulama pawarih nabi,  
 Manuruik caro tiok nagari,  
 Manarangkan agamo jalan ilahi,

Syair di atas baru tahap pujian kepada Allah dan salawat kepada Nabi Muhammad SAW. Demikian juga sanjungan kepada ulama-ulama sebagai pewaris nabi menurut caranya masing-masing dalam menerangkan agama jalan Ilahi Rabbi.

## Perubahan dan Kesenambungan

Semenjak pasca kemerdekaan Indonesia, pelbagai sendi kehidupan sosial budaya masyarakat Minangkabau mengalami perkembangan menuju suatu kehidupan yang lebih maju, terutama terjadinya transformasi pendidikan tradisional menuju pendidikan moden seperti berdirinya sekolah-sekolah moden pengaruh Barat. Kehadiran sistem pendidikan moden itu ikut mempengaruhi sistem pendidikan Islam tradisional yang ada di surau-surau, termasuk keberadaan kesenian bernuansa Islam.

Mengingat kesenian bernuansa Islam di surau-surau lama kelamaan semakin tidak efektif sebagai media pendidikan agama Islam, maka pencinta kesenian ini mengambil inisiatif untuk mengembangkannya menjadi seni persembahan yang tidak hanya untuk golongan surau, sebaliknya menciptakan suasana baru dengan mengadopsi dendang-dendang Minang menjadi bahagian dari struktur lagu kesenian Islam Minangkabau. Mereka mengadoptasikan dendang-dendang dengan memasukkan nilai-nilai keagamaan, sehingga melahirkan suatu nuansa muzikal yang bersifat Islami lokal.

Munculnya inisiatif pembaharuan kesenian Islam Minangkabau itu, akhirnya terjadi dua golongan pendukung kesenian bernuansa Islam Minangkabau. Pertama, golongan yang berusaha mempertahankan keaslian. Kedua, golongan yang melakukan pembaharuan. Golongan yang mempertahankan keaslian tetap hidup dan berkembang di lingkungan surau sahaja dengan misi utama sebagai dakwah Islamiah. Manakala golongan yang melakukan pembaharuan cenderung melakukan pengembangan nilai-nilai, iaitu dengan memasukkan nilai kultural lokal yang berpadu dengan nilai religius.

Pembaharuan kesenian bernuansa Islam yang semula dipersembahkan untuk kegiatan keagamaan di surau-surau berubah menjadi



kesenian rakyat, dan secara perlahan kebudayaan lingkungan ikut mewarnai keberadaan seni persembahan bernuansa Islam Minangkabau. Syair yang dibaca pun tidak hanya menyampaikan masalah keagamaan tetapi juga masalah sosial budaya lingkungannya sehingga munculah istilah ‘kesenian rakyat’ untuk membezakannya daripada ‘kesenian surau.’ Kesenian rakyat dengan bentuk dan isi beginilah yang disebut ‘kesenian bernuansa Islami.’ Kesenian rakyat itu terdapat persamaan dan perbezaan daripada kesenian surau kerana persembahan kesenian rakyat tidak untuk komuniti golongan yang dianggap orang surau semata-mata tetapi juga untuk kepentingan orang umum. Kesenian ini telah menjadi bahagian tidak terpisahkan daripada perkembangan peradaban masyarakat Minangkabau itu sendiri, terutama dalam hubungannya dengan adat istiadat. Selain sifatnya yang menghibur, kesenian bernuansa Islam dalam konteks budaya rakyat ini juga menjadi sarana penyampaian pesan moral dalam lingkup adat istiadat Minangkabau yang disebut sebagai bunga adat atau pamanih adat (pemanis).<sup>3</sup>

Akibat daripada proses perubahan ini ialah terjadinya pengembangan bentuk dan isinya (soalan-soalan yang dipersembahkan), yang kadang-kadang berbeza sama sekali daripada bentuk dan isi yang asalnya. Perubahan itu dapat sahaja berupa penambahan unsur-unsur baru dan pelepasan unsur-unsur lama, sama ada melalui penemuan mahupun peminjaman secara selektif. Permasalahan-permasalahan yang disampaikan juga berkembang dengan menyampaikan peristiwa-peristiwa yang aktual di tengah-tengah masyarakat waktu itu.

Mencermati perubahan dan kesinambungan tiga jenis kesenian bernuansa Islam Minangkabau (*dikia rabano*, *salawat dulang*, dan *indang*), pada umumnya mengalami perubahan menjadi kesenian rakyat semenjak pasca ditubuhkannya “adat bersendi syarak, syarak bersendi kitabullah” abad ke-19. Pada masa-masa awal ini lebih banyak melakukan perubahan bahasa Arab menjadi bahasa daerah Minangkabau. Dengan mengadopsi ajaran-ajaran agama Islam ke dalam bahasa daerah, akhirnya kesenian ini semakin diminati oleh masyarakat luas. Menariknya model dakwah melalui kesenian tersebut, lama kelamaan terjadi pula pengembangan lagu-lagu dengan mengadopsi dandang-dandang tradisional menjadi bahagian daripada persembahannya.

*Dikia rabano* dalam fenomena budaya rakyat ada yang dipersembahkan di surau dan masjid, dan ada pula di rumah-rumah dan panggung tradisional. Pemain *dikia rabano* terdiri dari kumpulan. Setiap kumpulan terdiri dari 12 sampai 15 orang pemain, setiap pemaian mempunyai satu buah instrumen *rabano*. Dalam persembahannya semua

pemain, memainkan pola tabuhan yang sama. Terlebih dahulu dimulai oleh salah seorang dari pemain inti kemudian pola tersebut langsung diikuti secara serempak oleh pemain lainnya. Sajian vokal dilakukan secara bergantian sesuai dengan gaya masing-masing seniman.

Selanjutnya, kesenian “*salawat dulang*” dalam konteks budaya rakyat, persembahannya selalu bertanding memperagakan kemahiran berpantun secara bergantian tentang persoalan-persoalan keagamaan, adat, dan sosial budaya lainnya. Setiap kumpulan mendapat giliran tiga hingga empat kali penampilan untuk satu malam persembahan. Walaupun nilai-nilai religius masih cukup kuat dalam persembahan *salawat dulang*, seperti terlihat pada *lagu-lagu khutbah*, *himbauan khutbah*, *lagu batang*, dan *ya molai*. Namun, sudah banyak pula memasukan unsur muzikalitas dendang Minangkabau, iaitu kemunculan *dendang cancang*. Pada lagu *cancang* ini, kreatifitas seniman “*salawat dulang*” dintuntun untuk trampil menciptakan pantun-pantun dan syair-syair dalam bertanya dan menjawab soalan-soalan keagamaan dan persitiwa aktual yang dipermaalahkan oleh kedua kumpulan.

Persembahan *salawat dulang* selalu menampilkan dua kelompok yang bertanding dalam uji kemampuan bertanya dan menjawab soalan-soalan keagamaan, dan adat istiadat. Masing-masing kumpulan terdiri dari dua orang yang biasa disebut *Induak* dan *Anak* (induk dan anak). Setiap kumpulan mendapat giliran tiga hingga empat kali penampilan untuk satu malam persembahan. Satu kali atau satu siklus penampilan oleh satu kumpulan disebut *Satanggak Salawat* (satu bahagian).

Apabila dilihat pula kesenian *indang*, kesenian ini telah mengalami perubahan yang sangat berbeza daripada muzik *dikia rabano* dan *salawat dulang*, iaitu tempat persembahannya tidak pernah lagi di surau, akan tetapi di laga-laga. Syair-syair yang dinyanyikan tidak hanya pada persoalan keagamaan, akan tetapi lebih banyak pada adat istiadat Minangkabau, sosial budaya. Bentuk teks yang dinyanyikan adalah didominasi oleh bentuk pantun. Bentuk ini sangat cocok untuk sindir menyindir antara satu kumpulan dengan kumpulan lainnya. Bagi kumpulan yang tidak mampu menjawab pertanyaan akan dianggap kalah dalam persembahan *indang*.

Persembahan *indang* lebih dikenal dengan *baindang*. Tradisi *baindang* dalam fenomena budaya rakyat selalu menyajikan tiga kumpulan *indang* yang bertanding. Posisi tempat duduk ketiga kumpulan tersebut membentuk segi tiga. Sajian ketiga kumpulan ini disebut *sapanaiak indang* (satu kali sajian *indang*). Ketiga kumpulan *indang* tersebut melaksanakan pentas selama dua malam berturut-turut. Masing-

masing kumpulan duduk bersila dan berderet dengan cara menghimpitkan paha kanan pada paha kiri temannya. Ketiga kumpulan *indang* melakukan tanya jawab atau sindir-menyindir tentang pelbagai macam persoalan yang terjadi saat persembahan berlangsung.

Dua jenis kesenian bernuansa Islam (salawat dan *indang*) dalam fenomena budaya rakyat sangat mementingkan kemampuan berdebat dalam bentuk nyanyian. Bagi kumpulan yang tidak mampu menjawab pertanyaan pihak lawan akan dianggap kalah dalam persembahannya. Masyarakat penonton akan melakukan penilaian sendiri akan kemampuan debat kumpulan yang bertanding tersebut. Oleh itu, pemain “*salawat dulang*” dan *indang* harus memiliki kemampuan lebih terhadap penciptaan pantun secara spontan, terutama dalam pentiptaan pantun-pantun.

## Kesenian Islami Pengaruh Budaya-Popular

Pada masa kini masyarakat Melayu amnya sedang menghadapi suatu era baru yang dikenal dengan era maklumat dan komunikasi global. Walaupun ia memberi ruang kepada kebudayaan tradisional namun pada masa sama kebudayaan tradisional juga menghadapi persaingan hebat untuk melawan dirinya sendiri untuk bertahan atau berkembang. Kesenian yang berkembang hari ini telah banyak mengalami pergeseran fungsi. Kebudayaan tradisional yang semula melekat dengan adat dan agama cenderung dikembangkan menjadi kebudayaan tontonan, dan bahkan sebagai propaganda. Ikatan-ikatan estetis antara elemen-elemen tradisional dengan kebudayaan baru menuju *budaya-popular* yang moden bagaikan peristiwa perlawanan budaya yang sulit diantisipasi.

Akibat daripada perkembangan media-massa, teknologi maklumat dan komunikasi yang bermula dari Barat juga telah menembus sendi-sendi kehidupan masyarakat Melayu Nusantara dalam mempermudah hubungan manusia dengan dunia luar. Manusia dapat menikmati berbagai peristiwa yang terjadi melalui media komunikasi dan informansi yang berteknologi moden dalam masa begitu singkat, seperti television, internet, video melalui *media player* dan segala macam perisian hiburan dari luar.

Semenjak tahun-tahun 1970-an, sebagai dampak nyata dari perkembangan media-massa dan teknologi maklumat itu, perkembangan *budaya-popular* telah ikut mempengaruhi keberadaan kesenian bernuansa Islam Minangkabau. Pengadopsian lagu-lagu baru dan peristiwa yang aktual merupakan bahagian penting dalam persembahan

kesenian bernuansa Islam Minangkabau hari ini. Fenomena ini terlihat dengan semakin banyaknya kumpulan kesenian bernuansa Islam memasukkan lagu-lagu dan syair-syair baru yang ngetop masa kini, dan populer dalam pandangan masyarakat hari ini, terutama generasi muda. Semuanya itu bertujuan untuk menyesuaikan dengan minat masyarakat penikmat yang baru pula.

Kemudian, secara kuantitasnya kesenian bernuansa Islam pengaruh *budaya-popular* sudah mampu mengambil tempat yang lebih besar dalam persembahannya. Kesenian ini tidak hanya dipersembahkan di wilayah budaya Minangkabau tapi lebih daripada itu iaitu sudah ada yang ditampilkan di daerah-darerah lain dalam pelbagai konteks, seperti Jakarta, Pekanbaru, Medan dan lain sebagainya. Maknanya, kesenian bernuansa Islam populer tidak hanya untuk keperluan persembahan dalam lingkungan adat Minangkabau dan agama Islam akan tetapi juga dapat dipersembahkan di luar konteks tersebut, seperti untuk kepentingan hajatan keluarga, pemerintah, dan kepentingan hiburan lainnya.

Gejala selanjutnya adalah timbulnya kumpulan-kumpulan kesenian bernuansa Islam di sekolah-sekolah yang dimainkan oleh kaum terpelajar. Kesenian jenis ini sengaja dibuat sesuai dengan keperluan hiburan dan pendidikan apresiasi kesenian untuk pelajar. Tentu sahaja sudah terjadi pengembangan kesenian bernuansa Islam dari konvensi-konvensi keasliannya, atau dari seni kerakyatan menjadi seni kemasan menuju *budaya-popular*. Pemainnya tidak hanya laki-laki tapi juga wanita-wanita cantik. Kostum lebih divariasikan dengan warna-warni yang terbuat dari bahan yang berkualitas. Jenis kesenian ini banyak dimanfaatkan masyarakat untuk memeriahkan pelbagai acara adat istiadat, seperti acara helat kawin, merasmikan pengangkatan penghulu, memeriahkan pelbagai acara kenegaraan, dan sebagainya.

Fenomena lainnya adalah menjadikan kesenian bernuansa Islam yang berorientasi pada pasar, iaitu kesenian bernuansa Islam yang bermatlamat kepada minat orang ramai. Seniman membuat aspek muzikal kesenian bernuansa Islam dengan mengambil lagu-lagu yang moden “ngetop” masa kini, seperti dangdut dan pop daerah, sehingga seniman yang bertujuan untuk pasar ini seakan mempunyai semboyan “makin banyak peminatnya makin besar peluang pasarnya.” Dengan demikian, kesenian bernuansa Islam kemasan yang bertujuan pada pasar adalah sebagai hasil pengaruh dari kepentingan ekonomi (Umar Kayam, 1981: 159).

Tidak hanya itu, dewasa ini kesenian bernuansa Islam gaya populer juga sudah ada yang digarap oleh seniman untuk kepentingan

pelancongan. Di sini kesenian bernuansa Islam sengaja dikemas untuk selera peminatnya yang baru, dengan sendirinya garapannya disesuaikan dengan minat para pelancong itu, sama ada lokal mahupun mancanegara. Di sini muncul penggarapan bentuk persembahan, pola lantai, gerak, stuktur muzik, dan lagu-lagu yang dibawakan, agar pelancong yang menikmati juga merasa puas menyaksikan kesenian bernuansa Islam ini. Atas dasar perkara tersebut dapat disimpulkan bahawa pengaruh *budaya-popular* merupakan salah satu komoditi pelancongan di Sumatera Barat (Minangkabau) yang lebih mengutamakan aspek hiburan.

Apabila dibandingkan antara kesenian bernuansa Islam pengaruh *budaya-popular* dan kesenian bernuansa Islam sebagai kesenian surau dan rakyat, tampak jelas perbezaan mendasar dan cenderung ke arah pendegradasian substansi kesenian bernuansa Islam itu sendiri. Walaupun telah terjadi pelbagai alternatif pengembangan,<sup>4</sup> kesenian bernuansa Islam ke arah pasar dan seni popular dewasa ini, namun suatu hal yang menggembirakan adalah masih adanya jenis kesenian bernuansa Islam yang kekal mempertahankan nilai-nilai keislaman, walaupun sudah dipengaruhi oleh *budaya-popular*. Hingga hari ini, masyarakat Minangkabau masih antusias menyaksikan kesenian bernuansa Islam yang dipersembahkan di surau dan kesenian bernuansa Islam dalam konteks budaya rakyat.

## Kesimpulan

Berdasarkan huraian di atas, kesenian bernuansa Islam yang berasal dari surau yang kemudian menjadi kesenian rakyat, menunjukkan bahawa kesenian ini bukanlah kesenian yang kaku, melainkan kesenian yang hidup senafas dengan tradisi-tradisinya yang luas. Di dalamnya terdapat unsur-unsur konserpatif yang kuat dan bertahan, dan unsur-unsur progresif yang dapat mengembangkan diri daripada cerminan alam yang selalu berubah mengikuti perubahan masa. Dalam penerimaan unsur-unsur baru selalu berpedoman pada “nan elok dipakai,” “nan buruak dibuang” atau yang baik dipakai yang buruk di buang. perkara ini sesuai dengan konsep perubahan menurut adat Minangkabau yang berbunyi: “Usang-usang diperbaharui, lapuk-lapuk dikajangi, nan elok dipakai nan buruak dibuang, ko singkek diuleh, panjang mintak dikarek nan, umpang minta disisik (usang-usang diperbaharui, lapuk-lapuk diperbaiki, yang baik dipakai, yang buruk dibuang, jika pendek disambung, panjang minta dipotong, jika kurang minta disisik (ditambal).” Selanjutnya, penerimaan yang adaptif dalam kebudayaan Melayu Minangkabau disesuaikan dengan konsep-konsep

tradisional yang berwujud keterbukaan terhadap unsur-unsur asing dan diolah berdasarkan cita-rasa masyarakat persekitarannya, yaitu mengandung nilai-nilai kehidupan tradisi, pandangan hidup, pendekatan falsafah (adat bersendi syarak, dan syarak bersendi kitabullah), rasa etis dan estetis, serta ungkapan budaya persekitaran. Kesenian bernuansa Islam Minangkabau hari ini merupakan warisan budaya masa lampau yang sudah mengalami pelbagai perubahan, yaitu kesenian rakyat yang sudah dipengaruhi oleh *budaya-popular*.

### Nota

- <sup>1</sup> Syekh Burhanudin adalah seorang ulama besar Minangkabau yang belajar ilmu agama di Aceh pada Syekh Abdurrauf bin Ali yang berasal dari Singkil. Kemudian, dia kembali pulang ke Pariaman menyiarkan agama Islam dengan menggunakan pendekatan kultural (menyesuaikan dengan seluk-beluk budaya dan kebiasaan masyarakat yang telah ada), sehingga mereka dapat berkomunikasi secara mudah dan dapat menyesuaikan diri dengan lingkungan. Lihat juga Mahmud Yunus, *Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia*, (Jakarta: Hidakarya Agung, 1985), 18-19. Lihat juga Hamka, "Ayahku, Riwayat Hidup DR. H. Abdullah Karim Amrullah dan Perjuangan Kaum Agama di Sumatera, (Jakarta: Umminda, 1982), 5.
- <sup>2</sup> Kitab sastra Arab *Majmu'atul Mawaalid* sering disebut kitab Barzanji atau kitab *Maulid*. Masyarakat *nagari* Bunga Tanjung menyebutnya dengan *Kitab Mauluik (Kitab Maulud)*. (Hajizar, 2008).
- <sup>3</sup> Istilah bunga adat menunjukkan kepada cerminan nilai-nilai adat, sedangkan yang dimaksud dengan pemanis adat adalah penyemarak, pemeriah upacara-upacara adat seperti pada *batagak rumah gadang, batagak penghulu, dan alek nagari*. Zulkifli, "Randai Sebagai Teater Rakyat Minangkabau di Sumatera Barat: dalam Dimensi Sosial Budaya, (Tesis S2, Universitas Gadjah Mada, 1993), 127.
- <sup>4</sup> Istilah mengembangkan lebih mempunyai konotasi kuantitatif daripada kualitatif; artinya membesarkan, meluaskan, dalam pengertiannya yang kuantitatif itu, mengembangkan seni persembahan tradisional Indonesia berarti membesarkan volume penyajiannya, meluaskan wilayah pengenalannya. Tetapi ia juga harus berarti memperbanyak tersedianya kemungkinan-kemungkinan untuk mengolah dan memperbaharui wajah, suatu usaha yang mempunyai arti sebagai sarana untuk timbulnya pencapaian kualitatif.

## Rujukan

- Andar Indra Sastera. 2000. Muzik Spiritual Pada Tarekat Syatariyah di Surau Kapeh Desa Sungai Jernih, Kec. Baso, Agam. Dalam *Laporan Penelitian STSI Padang Panjang*.
- Andar Indra Sastera. 2003. Nyanyian Religius Dalam Aktiviti Ratik Saman di Sumatera Barat. Dalam *Laporan Penelitian STSI Padang Panjang*.
- Andaya, Leonard Y. 2001. The Search for the 'origins' of Melayu. Dalam *Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. 32.
- Andaya, Leonard Y. 2008. *Leaves of the same tree: trade and ethnicity in the Straits of Melaka*. Hawaii: University of Hawaii Press
- Azyumardi Azra. 2003. Surau: Islam Tradisional Dalam Transisi dan Modernisasi. Jakarta: Logos Wacana Ilmu.
- Edi Sedyawati. 1981. *Pertumbuhan Seni Pertunjukan*, Jakarta: Sinar Harapan.
- Gazalba, Sidi. 1977. *Pandangan Islam tentang Kesenian*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Hajizar. 2008. Dimenasi Spiritual Dalam Berzanji *Maulid* Syaraful Anam Tarekhat *Syattariyah* di Bunga Tanjung, Minangkabau. Tesis Institut Seni Indonesia Surakarta.
- Hamka. 1982. *Ayahku, Riwayat Hidup DR. H. Abdullah Karim Amrullah dan Perjuangan Kaum Agama di Sumatera*. Jakarta: Umminda.
- Hamka, 1950, *Sejarah Islam di Sumatra*, Medan: Pustaka Nasional..
- Ibrahim Ismail dan Abdul Ghani Shamuddin. 1992. *Konsep Seni dalam Islam*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya.
- Isa, Zulkifli Mat. 1995. *Terjemahan Maulid Berzanji & Daiba'i*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Mahmud Yunus, 1985, *Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia*, Jakarta: Hidakarya Agung.
- Nasroen. 1957. *Dasar Falsafah Adat Minangkabau*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Reid, Anthony. 2001. Understanding Melayu (Malay) as a Source of Diverse Modern Identities. Dalam *Journal of Southeast Asian Studies* 32 (3).
- Sayyed Hussein Nasr. 1993. *Spiritualitas dan Seni Islam* (Terjemahan). Bandung: Mizan.
- Sejarah Melayu*. Edisi A. Samad Ahmad. 1986. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Silfia Hanani. 2002. *Surau Aset Lokal Yang Tercecer*. Bandung: Humaniora Utama Press.
- Pires, Tome. 1944. *The Suma Oriental of Tomé Pires and the Book of Francisco Rodrigues: An account of the East, from the Red Sea*. London: Hakluyt Society.
- Umar Kayam. 1981. *Seni, Tradisi, Masyarakat*. Jakarta: Sinar Harapan.
- Zulkifli. 1993. Randai Sebagai Teater Rakyat Minangkabau di Sumatera Barat: dalam Dimensi Sosial Budaya. Tesis S2, Universitas Gadjah Mada.